

## SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN

### 1. Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan?

Perkhidmatan pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan adalah inisiatif Bank Islam Malaysia Berhad untuk membantu para pelanggan mengira dan membayar zakat atas Simpanan dan Pelaburan mereka (yang terdapat di Bank Islam sahaja) kepada Agensi Mengurus Zakat ("AMZ"). Manakala, bagi Simpanan atau Pelaburan para pelanggan yang terdapat di institusi kewangan lain adalah menjadi tanggungjawab para pelanggan sendiri untuk melunaskan kewajipan Zakat Simpanan ke atas harta tersebut.

### 2. Bagaimanakah cara mendaftar/melanggan perkhidmatan pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan ini?

Pelanggan perlu mengisi borang perkhidmatan pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan yang disediakan di semua cawangan Bank Islam.

### 3. Apakah jenis akaun yang di ambil kira untuk pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan?

Akaun yang di ambil kira bagi pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan adalah akaun individu seperti berikut:

- Akaun Simpanan Qard
- Akaun Semasa Qard
- Akaun Pelaburan Al Awfar
- Akaun Pelaburan Wafiyah
- Akaun Simpanan Asas Qard
- Akaun Semasa Asas Qard
- Akaun Bertempoh Tawarruq
- iGain

Sekiranya pelanggan memiliki lebih daripada satu akaun daripada mana mana akaun di atas, kesemua jumlah wang simpanan di dalam akaun tersebut akan diambil kira dan digabungkan untuk pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan bagi tahun taksiran semasa. Akaun amanah akan digabungkan mengikut nama pemegang utama akaun. Akaun bersama tidak akan diambil kira dalam pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan. Pelanggan bertanggungjawab untuk melunaskan kewajipan zakat terhadap harta tersebut sendiri.

Pembayaran zakat akan dibuat melalui akaun semasa/simpanan/transaksi pelaburan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pelanggan di dalam borang permohonan perkhidmatan.

### 4. Adakah para pelanggan perlu membuka akaun dengan Bank Islam Malaysia Berhad bagi melanggan perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan ini?

Ya, para pelanggan yang tidak mempunyai akaun dengan Bank Islam perlu membuka akaun simpanan atau akaun semasa atau akaun pelaburan atau akaun deposit bertempoh Tawarruq dengan Bank Islam Malaysia Berhad sebelum mereka boleh menikmati faedah-faedah daripada perkhidmatan ini. Manakala untuk tujuan pendebitan pembayaran zakat simpanan dan pelaburan, pelanggan perlu memilih sama ada akaun simpanan, akaun semasa atau akaun transaksi pelaburan.

## SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN

### 5. Berapakah nisab yang digunakan untuk pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan?

Nisab bagi Zakat Simpanan dan Pelaburan adalah 85 gram emas mengikut harga pasaran emas yang ditentukan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

### 6. Berapakah Kadar Zakat Simpanan dan Pelaburan?

Kadar Zakat Simpanan dan Pelaburan adalah 2.5%.

### 7. Bagaimanakah cara pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan?

Cara pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan yang telah dipersetujui di antara Bank Islam dan AMZ adalah seperti berikut (cara pengiraan ini mungkin berbeza dengan AMZ yang tidak menyertai perkhidmatan ini):

$$\boxed{\text{Zakat Simpanan} = \text{Jumlah Keseluruhan Baki Akaun pada 31 Oktober} \times \text{Kadar Zakat}(2.5\%)}$$

### 8. Apakah Kaedah Taksiran Zakat Simpanan dan Pelaburan yang digunakan oleh Bank Islam?

Pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan adalah berdasarkan kepada jumlah keseluruhan baki akaun pelanggan pada 31 Oktober setiap tahun. Tarikh 31 Oktober setiap tahun dipilih bagi memberi peluang kepada para pelanggan untuk membuat pelarasan pada hujung tahun (Disember) bagi mengelakkan insiden harta yang sama dizakatkan dua kali.

### 9. Apakah kriteria akaun pelanggan yang akan ditaksir untuk Zakat Simpanan dan Pelaburan?

Bagi tujuan taksiran Zakat Simpanan dan Pelaburan, akaun simpanan, semasa, pelaburan dan/atau deposit bertempoh Tawarruq pelanggan yang dibuka sebelum Tahun Taksiran akan diambil kira. Manakala, akaun Pelanggan yang dibuka pada Tahun Taksiran semasa hanya akan diambil kira untuk taksiran sekiranya pelanggan mempunyai akaun yang telah dibuka sebelum Tahun Taksiran seperti di dalam jadual di bawah:

Senario	Akaun dibuka sebelum tahun taksiran	Akaun dibuka semasa tahun taksiran	Kelayakan untuk ditaksir
1	Ya	Tiada	Semua akaun perlu ditaksir
2	Ya	Ya	Semua akaun perlu ditaksir
3	Tiada	Ya	Semua akaun tidak perlu ditaksir

## SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN

### Ilustrasi :

Ali membuka akaun simpanan Qard serta akaun pelaburan Al-Awfar sebelum tahun taksiran dan membuka akaun deposit bertempoh Tawarruq pada tahun taksiran 2019. Maka, semua akaun Ali akan diambil kira untuk taksiran Zakat Simpanan seperti di bawah:

Jenis akaun	Tarikh serta tahun akaun dibuka	Baki semasa pada 31 Oktober 2019 (RM)
Akaun Simpanan Qard	1 Februari 2014	10,000
Akaun Pelaburan Al-Awfar	15 Mei 2016	50,000
Akaun Bertempoh Tawarruq	30 September 2019	5,000
Jumlah keseluruhan akaun Ali	-	65,000
Pengiraan Zakat Simpanan	-	$65,000 \times 2.5\% = 1,625$
Potongan daripada akaun semasa/simpanan		1,625

### 10. Adakah akaun para pelanggan yang berstatus “telah dibekukan” atau “dijadikan cagaran” perlu ditaksir untuk Zakat Simpanan dan Pelaburan?

Pihak Bank tidak akan mengambil kira dan menaksir jumlah wang simpanan di dalam akaun yang berstatus “telah dibekukan” atau “dijadikan cagaran” bagi mana-mana akaun para pelanggan semasa pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan. Para pelanggan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk melunaskan sendiri kewajipan Zakat Simpanan mereka terhadap harta yang tidak ditaksirkan tersebut.

### 11. Bagaimanakah pelanggan ingin mengetahui jumlah Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan yang perlu dibayar bagi tahun taksiran semasa?

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03-26 900 900 selepas 31 Oktober untuk mengetahui jumlah bayaran zakat simpanan dan pelaburan untuk tahun taksiran semasa.

### 12. Adakah pelanggan boleh memilih untuk membayar zakat sendiri setelah Bank Islam membuatkan pengiraan zakat simpanan dan pelaburan yang wajib dibayar?

Pelanggan tidak boleh memilih untuk membayar zakat simpanan dan pelaburan sendiri kerana pembayaran zakat simpanan akan diuruskan oleh Bank Islam sepenuhnya.

## **SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN**

### **13. Adakah para pelanggan akan mendapat resit pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan?**

Ya. Resit rasmi pembayaran zakat simpanan dan pelaburan akan dikeluarkan oleh AMZ dan dihantar terus kepada pelanggan oleh AMZ. Sekiranya terdapat kesilapan atau pelanggan tidak mendapat resit rasmi pembayaran, pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi AMZ berkenaan.

### **14. Adakah para pelanggan yang membuat bayaran zakat simpanan dan pelaburan layak mendapat rebat cukai?**

Ya, mereka layak. Para pelanggan yang membuat bayaran zakat simpanan dan pelaburan melalui Bank Islam akan mendapat rebat cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

### **15. Adakah Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan ini mempunyai tempoh tamat?**

Tidak, tiada sebarang tempoh tamat bagi Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan. Sekiranya pelanggan ingin menamatkan perkhidmatan ini, pelanggan perlu mengisi borang di mana-mana cawangan Bank Islam.